

KEPENTINGAN MEMELIHARA AKIDAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*,

Antara matlamat diutuskan Rasul kepada manusia, ialah bagi memastikan akidah yang betul, berasaskan kepada mentauhidkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala . Sejak zaman Nabi Adam alaihissalam, manusia berada pada landasan akidah yang benar, sehinggalah tercetusnya syirik yang pertama dalam sejarah, semasa zaman Nabi Nuh, apabila syaitan berjaya menghasut manusia untuk mencipta berhala yang kononnya berkuasa memberikan manfaat serta mudarat kepada manusia.

Akidah daripada sudut bahasa bermaksud ikatan dan simpulan yang kuat. Ulama menyatakan bahawa akidah itu bererti kepercayaan yang kukuh tanpa keraguan bahawa Allah itu merupakan Tuhan yang Maha Esa. Manusia yang mengucap kalimah syahadah, akan berusaha bersungguh-sungguh memelihara akidah yang benar. Mereka akan menjadi Mukmin, iaitu orang yang percaya, dan akan menjadi Muslim, iaitu orang yang akan menyerahkan dirinya secara mutlak terhadap apa sahaja yang diperintah oleh Allah. Tidak ada satu pun aspek dalam kehidupan seharian mereka, melainkan mengikut perintah Allah. Tanpa ragu-ragu, mereka mengikut Islam dalam aspek perundangan, Islam dalam aspek perkahwinan, Islam dalam aspek jual beli, Islam dalam aspek politik, Islam dalam aspek pentadbiran dan semuanya. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam Surah al-Ahzab ayat 36:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ

وَمَنْ يَعِصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

Yang bermaksud: *Dan tidaklah harus bagi orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan Rasul-Nya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Sebelum perutusan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam , manusia yang telah beberapa tahun tidak mendapat suluhan wahyu, telah merosakkan akidah yang benar. Lalu nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mengembalikan semula kebenaran.

Pada masa ini, akidah sebahagian umat Islam menjadi semakin parah. Atas nama hak asasi manusia, kebebasan bersuara, kesamarataan dan pelbagai istilah akademik seperti liberalisme, pluralisme dan sekularisme, ancaman akidah kini semakin membimbangkan.

Kalau dahulu, mereka yang ragu-ragu dengan Islam hanya berada dalam lingkaran kumpulan tertutup mereka sahaja, tetapi kini mereka sudah berani untuk mempromosikan kumpulan mereka secara terbuka. Ada yang berbangga menjadi Melayu ateis, bahawa Tuhan tidak wujud. Ada yang berbangga menjadi Muslim tetapi tidak mahu mengikut ajaran Allah dengan mentafsirkan al-Quran mengikut selera nafsu mereka. Menolak pandangan ulamak muktabar dengan cara tidak bermazhab seperti menolak hukum berpoligami dan juga isteri mempunyai hak menjatuhkan talak bahkan mereka memberikan sokongan kepada aktiviti yang tidak bermoral seperti LGBT.

Ancaman akidah semasa zaman nabi terdahulu hanya membabitkan kepercayaan seperti penyembahan berhala dan amalan sihir, akan tetapi ancaman akidah pada zaman sekarang adalah lebih halus seperti meletakkan kebebasan individu mengatasi tuntutan agama seperti pesta arak, hubungan sejenis dan bersekedudukan tanpa perkahwinan yang sah. Inilah perjuangan yang menolak nas al-Quran dan sunnah.

Keberanian perjuangan mereka ini adalah disokong oleh kumpulan tertentu sama ada di dalam atau di luar negara. Dalam Sahih Bukhari, Abu Sa'id al-Khudri meriwayatkan yang nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

لَتَّبِعَنَّ سَنَنَ مَنْ قَبْلَكُمْ شِبْرًا بِشِبْرٍ، وَذِرَاعًا بِذِرَاعٍ، حَتَّىٰ لَوْ سَلَكَوا جُحْرَ ضَبٍّ
لَسَلَكَتُمْوهُ»، قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ: الْيَهُودَ، وَالنَّصَارَى قَالَ: «فَمَنْ»

Yang bermaksud: Kamu akan mengikut jejak langkah kaum sebelum kamu, sejengkal demi sejengkal, sehasta demi sehasta, hingga seandainya mereka masuk dalam lubang biawak, kamu akan mengikut mereka. Sahabat bertanya, “adakah Yahudi dan Nasrani wahai Nabi”? Nabi menjawab, “siapa lagi”.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*,

Sesungguhnya, Allah itu Maha Pengampun terhadap dosa-dosa hamba-Nya, tetapi Allah tidak mengampuni dosa syirik. Keraguan kepada sebahagian nas al-Quran dan Hadith nabi sebenarnya membawa kepada kesyirikan. Menyedari akan ancaman akidah umat Islam kini, insafilah bahawa kerja yang perlu dilakukan oleh kita masih banyak. Ibu bapa perlu berperanan di rumah masing-masing, untuk mengajar asas tauhid yang kuat kepada anak-anak. Ajarlah mereka dengan mengenal Allah yang Maha Pencipta melalui sifat dua puluh, yang mengaturkan semua perjalanan alam. Guru-guru juga perlu berperanan dengan mengaitkan akidah dalam mata pelajaran yang diajar. Sementara golongan cerdik pandai pula perlu menginsafi, betapa bijak pun kita di dunia ini, kita masih lagi tertakluk kepada Allah Yang Maha Esa. Janganlah melakukan tindakan yang boleh membuka pintu salah faham, serta keraguan terhadap akidah yang sebenarnya, semata-mata ingin menurut hawa nafsu dalam kehidupan.

Firman Allah *Subhanahu wa-Ta'ala* dalam Surah Ali Imran ayat 78:

وَإِنَّ مِنْهُمْ لَفَرِيقًا يَلْوُونَ أَلْسِنَتَهُم بِالْكِتَابِ لِتَحْسَبُوهُ مِنَ الْكِتَابِ وَمَا هُوَ مِنْ

الْكِتَابِ وَيَقُولُونَ هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَمَا هُوَ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكُذِبَ

وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٨﴾

Yang bermaksud : Dan sesungguhnya, di antara mereka (Ahli Kitab itu) ada (Ketua-ketua ugamanya) yang memutar-mutar lidahnya semasa membaca Kitab Taurat (dengan mengubah maknanya), supaya kamu menyangkanya sebahagian dari Kitab Taurat padahal ia bukanlah dari Kitab itu. Dan mereka pula berkata: "(bahawa) ia adalah (datangnya) dari sisi Allah", padahal ia bukanlah dari sisi Allah; dan mereka pula tergamak berkata dusta terhadap Allah sedang mereka mengetahui (bahawa mereka adalah berdusta).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ
الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.